



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPERNA HARI ULANG TAHUN YANG KE ENAM PENUBUHAN AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM 1438H/2017M

### MASJID ASH-SHALIHEEN, KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM HARI KHAMIS, 14 RABIULAKHIR 1438H BERSAMAAN DENGAN 12 JANUARI 2017M

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hari ini telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Hari Ulangtahun Yang Ke Enam Penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Hadir di majlis ini ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan II; Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Menteri Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Dato Paduka Haji Mohd Roselan bin Haji Mohd Daud, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Yang Mulia Dato Paduka Haji Hisham bin Haji Mohd Hanifah, Timbalan Menteri Kewangan; Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain serta pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD.
3. Majlis dimulakan dengan bacaan surah Yassin, Tahlil dan seterusnya solat fardhu Maghrib, solat Hajat serta Doa Kesyukuran Sempena Ulangtahun Ke-Enam Penubuhan AMBD, yang diimamkan oleh YM Imam Anuar bin Haji Salim.

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh : 14 Rabiulakhir 1438H / 12 Januari 2017  
Rujukan : AMBD/COMMS/3